



Headline: Pegawai LHDN dan polis palsu lesapkan Language: Malay
RM27,490

Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 15 March 2020

Section: Nasional
Page: 45

Pegawai LHDN dan polis palsu lesapkan RM27,490

KUANTAN - Seorang penjawat awam membuat laporan polis mendakwa ditipu individu menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan polis sehingga kerugian lebih RM27,000.

Wanita berusia 36 itu diperdaya kononnya dia dikehendaki polis kerana bersubahat dengan suspek kes pengedaran dadah dan pengubahan wang haram.

Suspek juga mendakwa bahawa mangsa diburu LHDN kerana mempunyai tunggakan cukai lebih RM32,000 atas nama sebuah syarikat di Ipoh, Perak.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintenden Mohd Wazir Mohd Yusuf berkata, mangsa diarah memindahkan wang dari akaun banknya ke sebuah akaun lain bagi tujuan siasatan sebelum.

Menurutnya, penipuan ke atas



MOHD WAZIR

mangsa itu bermula 22 Februari lalu selepas menerima panggilan daripada seorang wanita yang memperkenalkan diri sebagai pegawai LHDN Cyberjaya berhubung tunggakan cukai.

Mohd Wazir berkata, individu yang mengaku sebagai pegawai polis berpangkat sarjan itu berjanji membantu menyelesaikan kes mangsa.

“Mangsa diminta melaporkan diri setiap hari kepada sarjan berkenaan melalui satu nombor telefon.

“Mangsa akur dengan arahan itu apabila membuat beberapa transaksi berjumlah RM27,490,” katanya.

Beliau berkata, mangsa yang curiga dan syak ditipu tampil membuat laporan di Balai Polis Temerloh kelmarin.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan bagi mengesan suspek terlibat,” katanya.